

## PEMETAAN ISU-ISU AKIDAH DALAM KERANGKA PEMIKIRAN AL-JILANI BERDASARKAN MARTABAT MA'RIFAH

### *MAPPING OF CREED ISSUES IN AL-JĪLĀNĪ'S FRAMEWORK OF THOUGHTS BASED ON THE DEGREE OF MA'RIFAH*

Mohd Ezri @ Asri Abd Rahman<sup>1</sup>  
Ahmad Bazli Shafie<sup>2</sup>  
Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (UNiSZA), Malaysia,  
(E-mail: [mohdezri@yit.gov.my](mailto:mohdezri@yit.gov.my) )

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (UNiSZA), Malaysia,  
(E-mail: [bazlishafie@unisza.edu.my](mailto:bazlishafie@unisza.edu.my) )

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia  
(E-mail: [wanelmy@uitm.edu.my](mailto:wanelmy@uitm.edu.my) )

\*Corresponding e-mail

#### Article history

Received date : 12-5-2025  
Revised date : 12-5-2025  
Accepted date : 18-6-2025  
Published date : 30-6-2025

#### To cite this document:

Abd Rahman, M. E., Shafie, A. B., & Wan Ahmad, W. H. S. (2025). Pemetaan isu-isu akidah dalam kerangka pemikiran al-jilani berdasarkan martabat *Ma'rifah*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 456 - 465.

**Abstrak** Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani adalah seorang ahli Sufi yang terkenal dan ketokohan beliau dalam bidang Tasawuf diakui oleh ulama Ahli Sunah Wal Jamaah. Namun kebelakangan ini wujudnya dakwaan yang menyatakan bahawa dari sudut aqidah, beliau adalah seorang Salafi dan beliau berpegang kepada pendekatan ithbat dan bukannya takwil. perkara tersebut menimbulkan enigma kerana dalam beberapa karya beliau juga menggunakan pendekatan takwil. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan martabat ma'rifah dalam kerangka pemikiran al-Jilani sekaligus melakukan pemetaan isu-isu akidah berdasarkan martabat marifah tersebut. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan dengan reka bentuk pengumpulan dan analisis data melalui pendekatan analisis dokumen dan kandungan. Dapatan hasil pemetaan terhadap martabat ma'rifah dalam pemikiran al-Jilani memperlihatkan gambaran yang holistik mengenai pembicaraan akidah beliau berdasar dua martabat ma'rifah. Pada martabat al-ammah (umum), beliau menggunakan pendekatan tafwid dalam perbicaraan mengenai ayat-ayat mutashabihat kerana pada pandangan beliau pendekatan tersebut adalah lebih selamat bagi kebanyakan Muslimin, namun pada martabat al-khassah, beliau menggunakan pendekatan takwil, khususnya takwilan ahli sufi. Kajian ini dapat memperkayakan dan melengkapkan korpus keilmuan akidah dan tasawuf dan merungkaikan kekeliruan mengenai aqidah al-Jilani sekali gus dapat mengembalikan semula beliau kepada posisi yang sewajarnya dalam kalangan ahli sufi.

**Kata Kunci:** Al-Jilani, Akidah, Sufi, Ithbat, Takwil, Martabat Ma'rifah

**Abstract:** *Shaykh ‘Abd al-Qadir al-Jilani is a well-known Sufi Scholar and his prominence in Tasawwuf has been acknowledged by scholars of Ahl al-Sunah wa al-Jama’ah. However, there have been claims of late that his ‘aqidah is that of the Salafi’s, and adhered to the approach of ithbat rather than ta’wil. This matter raises an enigma because in some of his works, he also uses the approach of ta’wil. The objective of this study is to expose the degrees of ma’rifah in al-Jilani’s framework of thought while also mapping out his doctrines based on these degrees of ma’rifah. This qualitative study involving library research with a data collection and analysis design through document and content analysis approaches. The findings from the mapping of the degree of ma’rifah in al-Jilani’s thought demonstrates a holistic picture of his discourse on theology based on two degrees of ma’rifah. At the degree of al-ammah (general), he used the ithbat and tafwid approach in interpretation of mutashabihat verses, because in his view, this approach is safer for most Muslims. However, on the other hand, at the degree of al-khassah (specific), he used the ta’wil approach, specifically the ta’wil of the Sufis. This study can enrich and complete the corpus of knowledge in theology and mysticism, and clarify the confusion regarding al-Jilani’s doctrine, thereby repositioning him to his rightful position among the Sufis*

**Keywords:** *Al-Jilani, Creed, Sufis Ithbat, Takwil, Degree of Ma’rifah*

## Pendahuluan

Di antara Ulama Sufi yang mempunyai pengaruh yang amat besar dalam perkembangan Islam khususnya dalam bidang tasawuf di Alam Melayu adalah al-Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Jilani. Gerakan sufi yang dibawa oleh para murid dan pengikut aliran pemikiran al-Jilani atau yang dikenali sebagai Qadiriyyah adalah faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan aliran ini di Alam Melayu. Jika ditelusuri sejarah awal perkembangan Islam di Alam Melayu, terdapat fakta-fakta yang menyokong bahawa Syeikh Ismail yang merupakan murid kepada al-Jilani (Wan Mohd Saghir, 2004) telah datang ke Bumi Aceh dan mengislamkan Merah Silu iaitu Raja Pasai ketika itu (Jones, 2016).

Legasi al-Qadiriyyah ini teruskan oleh seorang ulama yang terkenal di Aceh iaitu Syeikh Hamzah al-Fansuri yang bukan sahaja menghasilkan karya-karya tasawuf malah karya-karya sastera Melayu-Islam yang tinggi (al-Attas, 1970). Secara ringkasnya, selepas era Syeikh Hamzah Fansuri aliran ini diteruskan oleh Ulama Qadiriyyah yang lain di sekitar Kepulauan Melayu (Bruinessen, 2002,).

Namun mutakhir ini wujudnya usaha mengeluarkan al-Jilani dari kalangan ahli Sufi terutamanya daripada golongan Salafi. Al-Qahtani menegaskan (1997), menegaskan bahawa akidah al-Jilani adalah akidah Salafi terutamanya dari isu iman, tauhid dan sebagainya. Basri Ibrahim (2022), menjelaskan akidah al-Jilani dengan merujuk kepada penulisan al-Qahtani tersebut. Beliau menegaskan bahawa manhaj akidah al-Jilani terhadap ayat-ayat dan hadis-hadis *sifat* adalah *ithbat* bukan *tafwid*. Dakwaan tersebut menimbulkan enigma kerana dalam karya yang lain al-jilani mengambil pendekatan takwil terhadap ayat-ayat dan hadis-hadis sifat.

Bagi merungkai enigma tersebut, pandangan-pandangan al-Jilani mengenai Ayat-ayat dan Hadis Sifat perlu dilakukan pemetaan berdasarkan martabat marifah supaya dapat memberikan gambaran bahawa perbezaan di antara pandangan-pandangan al-Jilani bukanlah suatu percanggahan tetapi berdasarkan martabat marifah.

## Metodologi Kajian

Penulisan ini berdasarkan Pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan. Metode kepustakaan adalah kegiatan kajian yang berkaitan dengan koleksi data perpustakaan, membaca, merekod dan mengolah bahan-bahan penelitian (Ahmad Sunawari, 2011). Data-data yang digunakan adalah data primier, data sekunder, data dalam bentuk artikel, buku dan laporan penelitian serta sumber-sumber lain atau informasi yang relevan dengan topik penulisan ini. Kesemua data-data yang dikumpul dianalisis berdasarkan metode analisis kandungan teks, analisis persejarahan dan juga analisis deduktif yang cuba mengetengahkan satu kesimpulan yang khusus daripada sesuatu pengetahuan umum.

## Ma'rifah Dalam Epistemologi Islam.

Ma'rifah adalah suatu yang mendasar dalam perbahasan Falsafah Ilmu Islam atau Epistemologi Islam dan dibahaskan secara tuntas dalam dua jurusan yang utama dalam Keilmuan Islam iaitu Akidah dan Tasawwuf. Menurut Sayyiduna Ali R.A, permulaan kepada agama adalah ma'rifah (mengenal) Allah SWT (*awwal al-din m'rifatahu*). Sheikh Muhammad 'Abduh (t.t.), dalam mensyarahkan kenyataan tersebut dengan maksud asas kepada agama adalah ma'rifah Allah (*asas al- din ma'rifat Allah*).

Ibarat sebuah bangunan, asas adalah tapak bagi sesuatu binaan, tanpa tapak tersebut binaan atau bangunan tidak akan dapat didirikan. Bagi mendirikan bangunan yang kukuh perlu kepada tapak yang utuh. Begitulah halnya dengan agama, tanpa makrifah Allah sebagai tapak-asas agama tidak dapat didirikan dan tanpa *ma'rifah* yang mapan, agama akan mengalami keruntuhan.

Ibn 'Abbas R.A mentafsirkan ayat (*illa li ya'budun*) "kecuali supaya mereka beribadah kepada-Ku" (51:56) dengan maksud: "kecuali supaya mereka mengenal akan Daku" (*illa li ya'rifun*) (al-Qushairi, 1379H).

Tafsiran ini menggambarkan peri pentingnya *ma'rifah* dalam perlaksanaan ibadah iaitu bagaimana seseorang boleh menyembah Allah tanpa terlebih dahulu mengenali-Nya. Maka menurut Imam al-Hakim al-Tirmidhi perkara tersebut bermaksud, setelah mengenali-Nya manusia beribadah kepada-Nya (*'araftahu 'abadtahu*) (Hakim al-Tirmidhi, 1980).

Apabila Ahli Tasawwuf menyedari keterbatasan akal dalam penakulan mengenai ketuhanan, mereka penumpukan kepada penyucian jiwa sebagai persiapan diri oleh dalam menerima kurniaan *ma'rifah*.

Sekalipun *ma'rifah* bersifat *neutral* tidak bias kepada mana-mana kecenderungan, tetapi ia sangat terpengaruh dengan diri yang menanggapinya. Oleh kerana itu Imam al-Junayd memberikan analogi; "*lawn al-maa' lawn al-ina'.*" yang bermaksud warna air bergantung kepada warna bejana atau bekas (Ibnu Arabi, 1971).

Ma'rifah Dalam Epistemologi Islam Menurut al-Tahanawi (1996,), ma'rifah dari segi istilahnya mempunyai makna yang banyak, yakni dari sudut teknikal dan bidang perbahasannya. Namun dalam kajian ini hanya akan diketengahkan cakupan makna ma'rifah yang terangkum dalam bingkai perbahasan Epistemologi Islam sepertimana berikut:

1. Ma'rifah adalah ilmu. Ilmu merupakan tanggapan (idrak) yang mutlak sama ada dalam bentuk *tasawwur* ataupun *tasdiq*. *Tasawwur* di sini adalah kefahaman mengenai diri sesuatu perkara yang tiada terkait dengan yang selain dirinya manakala *tasdiq* adalah kesimpulan atau

keputusan yang nisbi ke atas sesuatu perkara melalui perkaitannya dengan yang lain sama ada mengiakan sesuatu kejadian atau menafikan kejadian tersebut. Sebagai contoh, bilamana disebut 'Zaid berdiri', maka gambaran mengenai diri Zaid yang tiada dikaitkan dengan yang lain itu adalah *taṣawwur*, manakala Zaid yang dikaitkan dengan kejadian berdiri atau **73** tiada dia berdiri maka itu adalah *tasdiq*. Oleh itu, ilmu dan ma'rifah adalah sematamata *tasawwur* atau *tasdiq*.

2. Ma'rifah adalah *tasawwur* dengan maksud tanggapan berbentuk *tasawwur* sahaja adapun *tasdiq* adalah makna kepada Ilmu.

3. Tanggapan yang tunggal (*al-basit*) sama ada ianya adalah *tasawwur* bagi hakikat sesuatu (*mahiyah*) atau *tasdiq* mengenai perihai sesuatu. Adapun tanggapan yg bersifat cantuman (*al-murakkab*) sama ada *tasawwur* ataupun *tasdiq* adalah khusus kepada ilmu. Menurut ahli Sufi, yang dimaksudkan dengan tanggapan yang tunggal di sini adalah tanggapan mengenai kewujudan Allah dengan pencerapan yang jitu (*dhuhul*) (tanpa ruangan untuk menyangkal) tanggapan ini dan objek ilmu yang ditanggapi adalah kewujudan Allah SWT, manakala tanggapan cantuman (*idrak al-murakkab*) adalah tanggapan mengenai kewujudan Allah dengan perasaan (*shu'ur*) dan perkara yang ditanggapi juga kewujudan Allah namun tanggapan tersebut masih mengandungi kemungkinan benar atau salah. Kedua-dua makna tersebut adalah lebih khusus daripada ilmu kerana ilmu itu adalah tanggapan yang mutlak, kerana itu dikata '*arafi'u Allah* (aku kenal Allah) bukan '*alimtu Allah* (aku tahu Allah).

4. Tanggapan yang bersifat *juz'i* (*idrak al-juz'i*) (sebahagian/ partial) sama ada berbentuk kefahaman (*mafhum*) yang *juz'i* atau keputusan (*hukm*) yang *juz'i* manakala tanggapan yang bersifat (*idrak al-kulli*) (menyeluruh) sama ada berbentuk kefahaman yang *kulli* atau keputusan yang *kulli* adalah khusus bagi ilmu menurut istilah ini. Jika dianalisis kesemua takrifan di atas, ada tiga ciri penting yang mentakrifkan ma'rifah dan membezakannya dengan ilmu iaitu tanggapan yang tunggal, yang bersifat *juz'i* dan dalam bentuk *taṣawwur*. Ketiga-tiga ciri ini berada pada satu pemusatan iaitu sesuatu yang putus dan tiada dapat disangkal.

Kesimpulannya bolehlah dirumuskan bahawa ma'rifah itu seperti yang ditakrifkan oleh al-Ghazali (t.t.) sebagai "suatu ilmu yang tiada menerima keraguan jika yang diketahui itu adalah zat dan sifat Allah S.W.T." Kemudian perkataan ma'rifah ini dikhususkan penggunaannya kepada ma'rifahullah. Oleh itu penggunaan perkataan ma'rifah dalam kajian ini adalah khusus dengan makna ma'rifahullah. Ma'rifah dan ilmu adalah suatu perkara yang mendasar dalam perbincangan epistemologi atau Falsafah Ilmu Islam.

### Saluran Ma'rifah Menurut Al-Jilani

Sebelum menelusuri mengenai martabat *ma'rifah* al-Jilani, terlebih dahulu perlu diteliti saluran *ma'rifah* yang khusus bagi Ahli Tasawwuf menurut al-Jilani. Secara umumnya, menurut Imam al-Nasafi (al-Taftazani, t.t.) terdapat tiga saluran ilmu dalam Islam iaitu panca-inderanya yang sejahtera (*al-hawas al-salimah*), akal (*al-'aql*) dan perkhabaran yang benar (*al-Khabar al-Sadiq*).

*Al-Khabar al-Sadiq* atau perkhabaran yang benar adalah saluran luaran dari diri manusia yang menghasilkan pengetahuan *al-khabariyyah* iaitu tanggapan mengenai sesuatu melalui *al-sam'* (pendengaran) daripada tradisi, sedangkan tiga yang lain itu adalah saluran dalaman iaitu berkaitan diri yang menerima ilmu.

Pancaindera atau deria merupakan sumber kepada pengalaman empiris (*al-A'yan*) dan akal pula menghasil ilmu rasionalism atau akliah. Namun menurut Imam al-Taftazani ilham adalah saluran yang khusus diterima oleh Ahli Tasawwuf. Ilham tidak terpisah dengan akal yang merupakan saluran dalaman bagi diri tetapi ia lebih tinggi dan tempatnya adalah di hati (*al-qalb*) yang berkait dengan akal atau dikenali sebagai 'intuisi'.

Al-Jilani memperincikan lagi saluran *ma'rifah* kepada tiga saluran iaitu *qalb salim*, *'aql kamil* dan *yaqin sadiq* (al-Jilani, 1997). *Qalb salim* adalah hati yang sejahtera yang mampu menangkap iktibar disebalik sesuatu perkara.

Hati yang sejahtera dapat bukan sahaja memahami petunjuk al-Quran malah mampu merasai hakikat yang sesuatu yang tersirat disebalik kenyataan atau fakta yang berlaku. Maka ia amat penting dalam menggarap firman Allah SWT yang bermaksud: "*Maka insafilah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.*" (Al-Hashr, 59:2).

Manakala *'aql kamil* atau akal sempurna yang mampu memahami rahsia disebalik petanda atau bukti-bukti mengenai kewujudan dan kebenaran Allah SWT sama ada yang wujud di luar diri (alam) mahupun di dalam diri (*nafs*). Perkara tersebut penting dalam memahami firman Allah SWT yang bermaksud: "*Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri...*" (Fussilat, 41:53)

*Yaqin sadiq* pula adalah keyakinan yang sejati. Ia adalah penting dalam penelitian mata hati mengenai hakikat sekalipun terkadang bercanggah dengan pencerapan inderawi dan penakulan akal. Ia amat penting dalam membenarkan firman Allah SWT yang bermaksud: "...*Dan tak ada suatupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya, tetapi kamu sekalian tidak mengerti tasbih mereka...*" (Isra', 17:44).

Namun, pada penilaian penyelidik *yaqin sadiq* (keyakinan yang jitu) bukanlah saluran *ma'rifah* tetapi adalah suatu yang terhasil daripada integrasi di antara dua saluran luaran dan dalam iaitu *al-khabar al-Sadiq* dan akal. Walaupun *al-khabar al-Sadiq* merupakan saluran luaran namun yang menanggapi makna khabar tersebut adalah akal jua. Oleh yang demikian keyakinan yang jitu adalah hasil daripada garapan makna oleh akal yang akhirnya berbekas di hati.

### Martabat Marifah Menurut Al-Jilani

Martabat *ma'rifah* adalah perbahasan penting dalam Tasawwuf. Terdapat dua aspek yang menjadi dasar kepada pembahagian martabat *ma'rifah*. Aspek yang pertama adalah objek ilmu dan yang kedua adalah subjek ilmu.

Dari segi objek ilmu iaitu Allah, (walaupun bukanlah bermaksud Allah itu sewaktu objek tetapi yang dimaksudkan adalah yang diketahui atau *ma'lum*), al-Tusi (1960) menjelaskan bahawa sebahagian Ahli Tasawwuf membahagikan martabat *ma'rifah* kepada dua martabat iaitu:

1. *Al-ma'rifah al-haqiqah* adalah makrifat hakikat zat Allah. *Ma'rifat* jenis ini tidak mampu dicerap oleh panca indera manusia kerana daya tanggapan deria atau panca indera manusia tidak akan mampu untuk mencerap perihal hakikat zat Allah yang sempurna.
2. *Al-ma'rifah al-haqq* iaitu *ma'rifah* tentang kebenaran berkaitan Sifat Allah S.WT. *Ma'rifah* jenis ini boleh digarap oleh manusia kerana ia merupakan tanggapan kefahaman yang mampu mengerti tentang perihal kewujudan Allah.



Dari aspek subjek ilmu pula, menurut Imam Junayd Al-Baghdadi, *ma'rifah* itu terdiri dari dua peringkat iaitu (al-Kalabadhi, 1434 H):

1. *Ma'rifah* pengenalan (*ta'arruf*). *Ma'rifah* ini bermaksud Allah SWT memperkenalkan diriNya kepada mereka dan diperkenalkan benda-benda dengan-Nya. Dan ini adalah *ma'rifah* golongan yang khusus.

2. *Ma'rifat pengenalan* (*ta'rif*). *Ma'rifah* ini bermaksud diperlihatkan oleh Allah kesan-kesan kekuasaan-Nya pada seluruh alam pada diri manusia sehingga timbul kesedaran bahawa alam ini ada penciptanya. Ini adalah *ma'rifah* golongan awam di kalangan Orang Mukmin.

Menurut Yusuf Zaidan, (1991) pada pandangan al- Jilani, *ma'rifah* terbahagi kepada dua martabat iaitu: *ma'rifah al- ammah* iaitu *ma'rifah* yang umum dan *ma'rifah al-Khassah* yang lebih khusus iaitu *ma'rifah* Ahli Tasawwuf.

### Ma'rifah Al-Ammah

Al-Jilani berpandangan bahawa ilmu yang pertama yang menjadi kewajipan kepada para hamba Allah dinamakan *Ma'rifah al-Ammah* yang menjadi syarat utama keyakinan. Maka ada tiga elemen penting dalam martabat *ma'rifah* ini iaitu:

1. ***Ithbat*** sifat-sifat ketuhanan dengan namanya tanpa menyerupai (*Tashbih*) sifat-sifat makhluk. Dialah (Allah) Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat tidak seperti pendengaran dan penglihatan makhluk, sepertimana yang telah Dia khabarkan tentang Diri-Nya Sendiri melalui firman-Nya “Tiada seumpama-Nya segala sesuatu”.
2. **Menafikan *tashbih* tanpa *ta'til***. Jangan sesekali hamba Allah terjermus kedalam golongan muattilah ketika dia ingin menyucikan (tanzih) Allah SWT sehingga ia menafikan sifat-sifat ketuhanan.
3. ***Tawaquf*** atau berhenti di tepian pantai takwil yang telah menenggelamkan mereka yang mendalami ilmu yang tidak dituntut daripadanya bagi mendalaminya sehingga lupa mencari ilmu yang bermunafaat. Maka akhirnya mereka tidak mendapatkan apa-apa melainkan kerosakan akal dan agama.

*Ma'rifah al- ammah* adalah pengetahuan yang berkaitan dengan kewajipan yang utama bagi sekalian hamba Allah untuk mengetahuinya seperti akidah atau tauhid, manakala *ma'rifah* khusus adalah pengenalan berkaitan dengan sesuatu yang diterima oleh hati melalui ilham dan *mukashafat* (penyingkapan rohani). Maka *ma'rifah al-ammah* diperolehi melalui wahana *nazar* manakala perolehan *ma'rifah* Tasawuf diperolehi melalui wahana amal. Maka *ma'rifah al- ammah* diperolehi melalui wahana *nazar* manakala perolehan *ma'rifah* khusus diperolehi melalui wahana penyucian hati (*tazkiyah*) .

### Ma'rifah al-Khassah

Martabat *Ma'rifah* yang kedua ini adalah *ma'rifah al-khassah* (khusus) yang merupakan *ma'rifah* ahli Tasawwuf. Menurut al-Jilani, pada martabat ini akan disingkap perbuatan Allah SWT kepada para wali dan *Abdal* mengenai sesuatu yang melampaui batasan akal menyalahi adat dan lumrah kebiasaan (*rusum*).

Secara umumnya perbuatan Allah terbahagi kepada dua manifestasi itu kenyataan daripada sifat *Jalal* (keagungan Allah) dan sifat *Jamal* (Keindahan Allah). Manifestasi daripada keagungan dan kebesaran Allah (Jalal) akan menzahirkan perasaan takut dan gementar, gundah-gulana yang menguasai hati sehingga gejala-gejalanya terserlah pada anggota badan sebagaimana yang berlaku kepada Rasulullah SAW. Baginda mendengar bunyi seperti air yang mendidih dari

dalam dada baginda kesan daripada perasaan takut yang bersangatan apabila menyaksikan keagungan Allah dan tersingkapnya kebesaran-Nya. Menurut al-Jilani, perkara yang sama juga dikatakan berlaku kepada Nabi Ibrahim dan Sayyiduna Umar RA.

Manakala manifestasi daripada keindahan Allah (Jamal) adalah kegembiraan pada hati, tenang, tenteram, selamat, kata-kata mesra dan petanda yang mengembirakan tentang kurniaan yang besar dan kedudukan yang tinggi serta hampir dan kepada-Nya kembali segala perkara.

Inilah kurniaan dan rahmat Allah kepada mereka di dalam dunia. Hati mereka yang cinta kepada-Nya akan dipuaskan oleh-Nya, semoga mereka merasa tenang. Allah kasih kepada mereka. Nabi pernah bersabda kepada Bilal: “*Hiburkanlah kami wahai Bilal.*” Apa yang dimaksudkan adalah Bilal mengumandangkan agar Nabi masuk dalam keadaan solat untuk merasai manifestasi sifat *Jamal* Allah. Kerana itu Nabi bersabda “*Dan kesejukan mataku telah terasa dalam solat.*” (al-Jilani, 1973).

Seperti yang telah dibincangkan di atas, tabiat *ma'rifah* pada martabat ini adalah bersalahan dengan adat dan lumrah kebiasaan. Apa yang dimaksudkan dengan bersalahan dengan lumrah kebiasaan (*rusum*) di sini membawa kepada dua konotasi

Konotasi pertama iaitu proses perolehan *ma'rifah* ini berbeza dengan kebiasaan iaitu melalui pengajaran dan pembelajaran tetapi proses perolehannya adalah langsung daripada kurniaan Allah SWT. Bagi memperolehi *ma'rifah* yang bersalahan dengan lumrah kebiasaan (*rusum*) ini, al-Jilani menegaskan bahawa tiada cara lain kecuali dengan meninggalkan juga segala lumrah kebiasaan (*rusumat*) yang merupakan kebiasaan bagi manusia yang sering bercanggah dengan syariat dan tarekat yakni perjalanan Ahli Tasawwuf (al-Jilani, 1973).

Manakala konotasi yang kedua adalah berkaitan tabiat *ma'rifah* tersebut yang melampaui kemampuan garapan akal murni (*pure reason*) sepertimana pada martabat *ma'rifah ammah*. Oleh kerana itu jika dilihat secara sepintas lalu menengenai pendirian beliau ini, maka akan memperlihatkan pertentangan di antara kenyataan-kenyataan beliau. Namun perkara tersebut bukanlah pertentangan (*contradict*) tetapi ia adalah perbezaan yang berlaku pada subjek yang dibincangkan adalah dari sudut martabat atau peringkat *ma'rifah*.

#### **Analisis Melalui Pemetaan Pendirian Al-Jilani Mengenai Sifat Mutashabihah Berdasarkan martabat *ma'rifah*.**

Pada perbincangan di atas, kita telah melihat pembahagian martabat *ma'rifah* dalam kerangka pemikiran al-Jilani. Seterusnya analisis akan dilakukan terhadap isu-isu akidah dalam pemikiran al-Jilani. Analisis ini akan dilakukan melalui pemetaan isu-isu tersebut berdasarkan martabat *ma'rifah al-Ammah* dan *al-Khassah*.

Seperti yang telah dibicarakan sebelum ini bahawa dalam menanggapi ayat-ayat dan Hadis yang bersifat mutashabihah, al-Jilani memilih pendekatan memutlakkan lafaz asalnya tanpa sebarang takwilan. Namun pendirian tersebut bukanlah sesuatu yang muktamat kerana ianya adalah sesuai bagi orang awam dan beliau juga telah menyatakan bahawa penulisan beliau berkenaan yang demikian hanya secara ringkas sahaja.

Perkara ini tampak lebih jelas apabila beliau memberi komentar mengenai tafsiran “hanya Allah sahaja yang mengetahui takwilan ayat *mutashabihah*”, tetapi orang-orang yang *rasikh* juga dapat mengetahuinya dengan pembukaan oleh Allah SWT.

*Al-Rasikh* adalah para ulama yang ilmu laduni dan dipertuhkan oleh Allah SWT dengan ilham dan wahyu (al-Quran) dari sisi Allah SWT berkaitan pengesahan terhadap hakikat-hakikat yang tidak akan terhasil melalui daya kemanusiaan kecuali diperteguhkan oleh Allah SWT.

Pendirian beliau ini adalah bersifat mutlak dan berbeza daripada metod pentakwilan para mutakallimun yang lebih bersifat spekulatif. Ini kerana takwilan tersebut bukan hanya diperolehi melalui jalur kognitif tetapi juga melalui intuitif yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. Metod pentakwilan ini adalah lebih komprehensif kerana ianya adalah gabungan daripada dua saluran ilmu iaitu akal dan ilham.

Maka dengan penjelasan di atas, dapat difahami perbezaan pandangan al-Jilani mengenai sesuatu isu yang sama mestilah dilakukan pemetaan berdasarkan martabat *ma'rifah* supaya memaparkan gambaran yang terperinci dan mengelakkan kekeliruan.

Pada *martabat al-Ammah*, al-Jilani menegaskan supaya memutlakkan lafaz *mutashabihah* kerana golongan awam tidak ditakliffkan untuk memahami takwilan tersebut. Maka bagi golongan ini memadai dengan ithbat lafaz zahir dan *tafwidh* iaitu menyerahkan maknanya kepada Allah dan Rasul-Nya.

Manakala pada martabat *ma'rifah al-Khassah*, takwilan terhadap perkara tersebut dapat difahami melalui ilmu laduni yang dibukakan oleh Allah SWT kepada para Ulama yang *rasikh*. Bagi memaparkan gambaran yang lebih berstruktur, perbincangan yang lebih spesifik akan dilakukan pada dua contoh yang akan menggambarkan keseluruhan pemikiran al-Jilani iaitu mengenai *istiwa'* dan *nuzul*.

### **Istiwa'**

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa dalam analisis ini akan difokuskan kepada dua contoh penting dalam melakukan pemetaan pendirian al-Jilani kepada martabat *ma'rifah*.

Pada martabat *al-Ammah* al-Jilani mengambil pendirian supaya memutlakkan lafaz *istiwa'* tanpa ditakwilkan maknanya. Pendirian dan pendekatan ini adalah sesuatu yang sesuai bagi golongan awam dan beliau sendiri menegaskan bahawa beliau memuatkan pandangan beliau tersebut hanya secara ringkas (al-Jilani, 2010).

Walaubagaimanapun pada *ma'rifah al-Khassah*, al-Jilani memberi ulasan bahawa “menetap” tersebut bukan dengan maksud menetap dengan zat sebagaimana yang dipegang oleh golongan Mujassimah.

Beliau menjelaskan bahawa *istiwa'* dengan maksud spontan iaitu *istaqarra* (menetap), tetapi menetap dengan rahmah-Nya. Dalam menjelaskan ayat “*al-Rahmanu 'ala al-'Arash istawa*” beliau memberi komentar bahawa “Allah menetap dengan Rahmat-Nya yang umum di atas ‘*Arash*” (al-Jilani, 2010).

Namun perlu difahami bahawa pendirian beliau yang sesuai dengan martabat *'ammah* itu bukanlah pendirian yang muktamad kerana pada martabat yang khusus Selain itu, beliau juga menta'wilkan *istiwa'* dengan maksud *tamakkun*. *Tamakkun* adalah keupayaan menguasai atau leluasa. Manakala *arash* adalah simbolik kepada “tahta penzahiran” seluruh kejadian dan elemen-elemennya. Leluasa yang dimaksudkan adalah penguasaan (*istila'*) yang sempurna dan dengan kebebasan sepenuhnya (al-Jilani, 2010).



Al-Jilani juga mentakwilkan *istiwa'* dengan *inbasat* iaitu leluasa sepenuhnya ke atas 'Arash yang merupakan singgahsana seluruh penzahiran. Maka *tamakkun* dan *inbasat* membawa maksud yang hampir sama. maka bolehlah disimpulkan bahawa penafian beliau mengenai takwilan *istiwa* dengan makna *istila'* oleh golongan muktizilah bukanlah penafian yang mutlak hanya untuk menyelamatkan golongan awam daripada *ta'til* iaitu menafikan sifat-sifat Allah. Ini terbukti apabila diperhalusi makna *tamakkun* dan *inbasat* sangat hampir dengan *istila'*. Takwilan tersebut juga tidak becanggah dengan pendirian sebahagian besar ulama Asha'irah.

### Nuzul

Selain daripada *istiwa'*, isu yang kedua yang memperlihatkan gambaran yang jelas tentang pendirian al-Jilani adalah selari dengan aliran ahli sufi adalah komentar beliau mengenai hadis *Nuzul*.

Pada martabat *ma'rifah 'ammah*, beliau berpendirian bahawa mengitbatkan lafaz tanpa *ta'wil*, beliau menyatakan: "Sesungguhnya Dia (Allah) Taala turun (*yanzilu*) ke langit dunia setiap malam sebagaimana yang Dia kehendaki dan sepertimana yang Dia kehendaki, mengampuni bagi sesiapa yang melakukan dosa, kesilapan, kesalahan dan maksiat iaitu sesiapa yang dipilih dalam kalangan hamba-hambanya mengikut yang dikehendakinya, *Tabaraka wa Taala* Yang Maha Tinggi lagi Tertinggi. (al-Jilani, 1996).

Namun pada martabat *ma'rifah khassah*, beliau menggunakan istilah *tajalli* yang merupakan salah satu peristilahan dasar dalam bidang Tasawwuf bagi menjelaskan makna *Nuzul* dalam hadis tersebut. Al-Jilani (1973), menjelaskan: "*Inna al-Haqq yatajalla fi waktu al-sahari thuluthi layl.*" Maksudnya: "Tuhan kita bertajalli pada satu sahur satu pertiga malam..."

Menurut Ahli Tasawwuf, *tajalla* atau *tajalli* bermaksud apa yang terzhahir pada hati daripada cahaya perkara Ghaib. Terkadang penzahiran tersebut mungkin melalui Perbuatan Allah (*Af'al*), mungkin juga melalui Sifat-sifat Allah dan terkadang mungkin melalui Zat Allah (al-Kashani, 1996).

### Kesimpulan

Berdasarkan apa yang dibentangkan sebelum ini jelaslah bahawa perbezaan pandangan dalam al-Jilani dari sudut akidah bukanlah suatu percanggahan akan tetapi perkara tersebut adalah berdasarkan kepada martabat marifah. Membuat kesimpulan bahawa beliau adalah seorang Salafi dengan hanya berpandukan kepada satu martabat *ma'rifah* sahaja adalah natijah yang kurang tepat dan tidak menyeluruh.

Kajian lanjutan perlu dilakukan pada masa akan datang berdasarkan skop penyelidikan yang berbeza bagi memperlihat gambaran yang lebih luas mengenai akidah al-Jilani. Sebagai contoh, kajian mengenai kaitan dan perbezaan pemikiran beliau dengan Imam al-Ghazali yang juga pernah memberikan sumbangan besar dalam bidang keilmuan di Baghdad yang ketika itu adalah ibu kota Islam.

## Rujukan

- Ahmad Sunawari long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, (1970), *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, Kuala: University of Malaya Press.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, (2000), *Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali*, t.t.: Dar al-Fikr
- Al- Jilani, 'Abd al-Qadir, *Futuh al-Ghayb*, (1973), Mesir: Maktabah wa Mutaba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- \_\_\_\_\_ (1997) *Fifteen Letters (Khamsata 'Ashara Maktuban)*, Florida:Al-Baz Publishing.
- \_\_\_\_\_ (2010) *Tafsir al-Jilani al-Ghawth al-Rabbani al-Imam al-Samadani*, (ed.) al-Shaykh Ahmad Farid al-Mazidi, Pakistan: al- Maktabah al-Marufiyyah.
- \_\_\_\_\_ (t.th) *Al-Ghunyah li Talibi Tariq al-Haq*, Lubnan: al- Maktabah al Sha'biyyah.
- Al-Kalabadhi Abu Bakr Muhammad Ishaq al-Bukhari (1434 H) *al-Ta'aruf ila Madhhab Ahli al-Ta'sawwuf*, dengan Hashiyah al-Ta'aruf bi Takhrij ahadith al-Ta'arruf, oleh 'Abd al-'Aziz Bin Muhammad al-Siddiq al-Ghumari Beirut: Markaz Buhuth Kuliyyah al-Safa bi Malizya.
- Al-Qahtani, Sa'id bin Musfir (1997), *Al-Shaykh 'Abd Qadir al-Jilani wa Ara'uhu al I'tiqadiyah wa Al-Şufiyyah*, Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al- Waţaniyyah Athna' al-Nashr.
- Al-Qushairi, Abu Qasim, *al-Risalah al-Qushairiyyah*, (1989), Kaherah: Mutaba' Mu'assasah Dar al-Sha'b.
- Al-Taftazani, Sa'd al-Din, al-Sharh 'Aqa'id al-Nasafiyyah, (t.th.), Lubnan: Dar Ihya' al Turath al-'Arabi.
- Al-Tahanawi,Muhammad 'Ali, (1996), *Kashaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum* : Lubnan: Maktabah Lubnan Nashirun.
- Al-Tirmizi, al-Hakim, (1980), al-Masail al-Maknunah, (ed.) Dr. Muhammad Ibrahim al-Juyushi, Dar al-Turath al-'Arabi
- Al-Ṭusi Abu Nasr, (1960), *al-Luma'*, (ed.) Dr. 'Abd al-Halim Mahmud & Ṭaha 'Abd al Baqi Surur, Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- Basri Ibrahim (2022), *Aqidah Syeikh Abdul Qadir al-Jilani*, Kuala Lumpur: UIM
- Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, (2004), *al-Ma'rifah: Pelbagai Aspek Tasawuf di Nusantara*, jld.1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Ibnu 'Arabi, Muḥyi al-Din Abu Bakr Muhammad, (2011, 1), *Futuḥat al-Makiyyah*: Beirut: Dar al-Kutub Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Martin Van Bruinessen, (2002) "Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani and the Qadiriyya in Indonesia." Istanbul: Journal of the History of Sufism vol. 1-2, 361- 395.
- Muhammad cAbduh, (t.th), *Syarah al Ustadh al-Syaikh Muhammad cAbduh Nahj al- Balaghah al-Imam Ali R.A*, (dikumpulkan perkataan beliau oleh al-Syarif al Ridha), Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Russell Jones, (2016), *Hikayat Raja Pasai*, DBP: Kuala Lumpur,
- Yusuf Zaidan Ṭaha Muḥammad (1991), *al-Tariq al-Şufi wa Furu' al-Qadiriyyah bi Misr*, Beirut: Dar al-Jil.